



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Analisis

INDEKS HARGA PENGELUAR TAHUNAN

ANALYSIS OF

ANNUAL PRODUCER PRICE INDEX

2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ANALISIS INDEKS HARGA PENGELUAR TAHUNAN

ANALYSIS OF ANNUAL PRODUCER PRICE INDEX

2022

Pemakluman:

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Announcement :

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

ISSN 3009 - 1454

KATA PENGANTAR

Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2022 diterbitkan buat julung kalinya oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang memaparkan statistik tahunan bagi siri masa 2011 hingga 2022 merangkumi dua statistik utama iaitu Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan dan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP).

Penyusunan statistik IHPR Pengeluaran Tempatan adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004* yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund* (IMF), manakala IHPRP pula merujuk kepada *Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation & Development* (OECD), Eurostat dan *joint Eurostat-OECD Task Force*.

IHPR Pengeluaran Tempatan mengukur purata perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dalam sesuatu industri. Indeks ini merangkumi lima sektor iaitu Pertanian, perhutanan & perikanan, Perlombongan, Pembuatan, Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. Manakala IHPRP mengukur perubahan harga yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan. Indeks ini merangkumi lapan subsektor perkhidmatan terpilih iaitu Pengangkutan, Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman, Maklumat & komunikasi, Aktiviti hartanah, Profesional, Pendidikan, Kesihatan dan Kesenian, hiburan & rekreasi.

Setiap bahagian dalam penerbitan ini dilengkapi dengan infografik, ringkasan penemuan, jadual statistik dan nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang dikeluarkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

November 2023

PREFACE

The Analysis of Annual Producer Price Index, 2022 is the inaugural publication by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) which presents annual statistics for the time series of 2011 to 2022 from two main statistics, namely Producer Price Index (PPI) Local Production and Services Producer Price Index (SPPI).

The statistics compilation of PPI Local Production is based on concepts and guidelines from the Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004 published by the International Monetary Fund (IMF), while the SPPI refers to the Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services published by the Organisation for Economic Co-operation & Development (OECD), Eurostat and a joint Eurostat-OECD Task Force.

PPI Local Production measures the average change in commodity prices charged by local producers in the industry. The index covers five sectors: Agriculture, forestry & fishing, Mining, Manufacturing, Electricity & gas supply and Water supply. Meanwhile, SPPI measures changes in prices charged by the local services industry. The index covers eight selected services sub-sectors, namely Transportation, Accommodation and food & beverage service activities, Information & communication, Real estate activities, Professional, Education, Health and Arts, entertainment & recreation.

Each section in this publication is provided with infographics, a summary of findings, statistical tables and technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. The feedback and suggestion to improve in the future are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

November 2023

INDEKS HARGA PENGELUAR

01	Sepintas Lalu3 <i>Snapshot4</i>
02	Ringkasan Penemuan7 <i>Summary of Findings24</i>
03	Rencana18 <i>Article34</i>
04	Jadual IHPR43 <i>PPI Tables43</i>
05	Nota Teknikal65 <i>Technical Notes73</i>


INDEKS HARGA PENGELUAR

Jadual <i>Table</i>	Nama Jadual <i>Name of Table</i>	Muka Surat <i>Page</i>
1	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2022 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2022</i>	43
2	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2022 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2022</i>	44
3	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2022 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2022</i>	45
4	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2022 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2022</i>	51
5	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2022 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2022</i>	57
6	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2022 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2022</i>	59
7	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2022 <i>Producer Price Index (PPI) Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2022</i>	61
8	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2022 <i>Annual Percentage Change of PPI Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2022</i>	62



SEPINTAS LALU

SNAPSHOT



IHPR PENGELUARAN TEMPATAN, 2022

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan meningkat 7.8 peratus pada tahun 2022

IHPR mengikut Sektor

Pertanian, perhutanan & perikanan



2022 : 1.3%

2021 : 30.2%

2020 : 15.7%

Perlombongan



2022 : 12.6%

2021 : 41.2%

2020 : -36.3%

Pembuatan



2022 : 8.4%

2021 : 5.5%

2020 : -0.4%

Bekalan elektrik & gas



2022 : 0.7%

2021 : -0.4%

2020 : -0.4%

Bekalan air



2022 : 2.6%

2021 : 0.5%

2020 : -0.2%

2022

7.8% ↑

2021

9.5% ↑

2020

-2.7% ↓

IHPR mengikut Peringkat Pemprosesan

1

Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya




2022 : 6.2%

2021 : 30.3%

2020 : -12.3%

2

Bahan perantaraan, bekalan & komponen



2022 : 10.9%

2021 : 7.7%

2020 : -0.5%

3

Barang siap



2022 : 1.8%


2021 : -0.2%

2020 : -0.1%

IHPR Pengeluaran Tempatan, 2012-2022

Indeks (2010=100)

Peratus Perubahan (%)



Sumber: Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



PPI LOCAL PRODUCTION, 2022

Producer Price Index (PPI) Local Production increased by 7.8 per cent in 2022

PPI by Sector

Agriculture, forestry & fishing



2022 : 1.3%

2021 : 30.2%

2020 : 15.7%

Mining



2022 : 12.6%

2021 : 41.2%

2020 : -36.3%

Manufacturing



2022 : 8.4%

2021 : 5.5%

2020 : -0.4%

Electricity & gas supply



2022 : 0.7%

2021 : -0.4%

2020 : -0.4%

Water supply



2022 : 2.6%

2021 : 0.5%

2020 : -0.2%

2022

7.8% ↑

2021

9.5% ↑

2020

-2.7% ↓

PPI by Stage of Processing

1

Crude materials for further processing




2022 : 6.2%

2021 : 30.3%

2020 : -12.3%

2

Intermediate materials, supplies & components



2022 : 10.9%

2021 : 7.7%

2020 : -0.5%

3

Finished goods




2022 : 1.8%

2021 : -0.2%

2020 : -0.1%


PPI Local Production, 2012-2022





RINGKASAN PENEMUAN

***SUMMARY OF
FINDINGS***



Pengenalan

Negara-negara di seluruh dunia telah mula melaksanakan pelbagai inisiatif pemulihan ekonomi kepada keadaan sebelum pandemic dalam semua sektor, di mana pelan pemulihan yang lebih sesuai diperlukan untuk menangani krisis pada masa hadapan. Sehubungan itu, Malaysia juga telah membuka semula sempadan pada 1 April 2022 bagi merangsang industri pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Pemulihan ekonomi pada masa ini masih dijalankan ke arah fasa endemik di mana usaha tertumpu kepada pelaksanaan langkah dan strategi pasca COVID-19, seperti mempercepatkan pemulihan perniagaan, mewujudkan persekitaran perniagaan yang menggalakkan, memudahkan perdagangan dan pelaburan, meningkatkan pasaran buruh, melindungi kualiti hidup isi rumah dan menerapkan kemampanan ekonomi secara keseluruhan.

Namun begitu, pembukaan semula ekonomi telah memberi tekanan inflasi yang ketara kepada beberapa sektor ekonomi kerana perbelanjaan yang lebih tinggi dan permintaan yang meningkat. Kebanyakan bank pusat telah mengetatkan dasar monetari sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi di mana telah mengurangkan kuasa beli isi

rumah dan perbelanjaan individu. Berdasarkan *Economic Outlook 2023* oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), cabaran ini dijangka berlarutan dan berterusan pada tahun 2023.

Kesan daripada pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada 24 Februari 2022, ketegangan antara kedua-dua negara berada pada tahap yang kritikal. Walaupun dengan pembukaan semula ekonomi global dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik berikutan pandemik COVID-19, konflik Rusia-Ukraine telah memberi kesan negatif yang ketara kepada ekonomi dunia.

Kesan konflik berterusan Rusia-Ukraine, konflik Eropah Timur yang berpanjangan, sekatan ke atas Rusia, langkah kawalan COVID-19 yang ketat di China, dasar monetari yang lebih ketat di Amerika Syarikat dan kemungkinan kemunculan varian pandemik COVID-19 baharu terus memberi risiko buruk kepada pertumbuhan ekonomi.

Justeru, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan sederhana disebabkan ketidakstabilan harga komoditi yang tinggi serta isu serantau dan global yang lain. Oleh demikian, berdasarkan *World Economic Outlook April 2022*, *International Monetary Fund* (IMF) telah mengunjurkan harga minyak mentah global kekal tinggi pada purata melebihi USD100 setong berikutan konflik tersebut. Inflasi diunjurkan

kepada 6.6 peratus bagi negara ekonomi maju dan 9.5 peratus bagi negara ekonomi membangun yang didorong oleh harga komoditi dan makanan yang tinggi.

Indeks Harga Pengeluar dalam tempoh sedekad


Dalam tempoh sepuluh tahun, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan berada dalam julat yang terendah negatif 7.4 peratus pada 2015 sehingga yang tertinggi iaitu 12.3 peratus pada 2011. Kadar IHPR sangat dipengaruhi oleh perubahan dalam harga komoditi utama Malaysia, seperti minyak mentah, gas asli, minyak sawit mentah dan produk semikonduktor.

IHPR mencatatkan penurunan terbesar pada 2015 (-7.4%) disebabkan oleh penurunan ketara harga minyak mentah daripada USD96.24 setong pada 2014 kepada USD50.75 setong pada 2015. Pada masa yang sama, indeks gas asli turut merosot daripada 111.71 mata indeks pada tahun 2014 kepada 71.58 mata indeks pada tahun 2015. Kejatuhan harga komoditi pada 2015 adalah disebabkan oleh permintaan yang lemah, terutamanya dari China.

IHPR meningkat pada tahun 2021 yang mencatatkan 9.5 peratus dan seterusnya merekodkan 7.8 peratus pada 2022, disokong oleh pemulihan ekonomi. Kenaikan harga komoditi dan barangan

keluaran tempahan memberi manfaat kepada ekonomi negara kerana ianya menyokong pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan pendapatan pengeluar. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi telah berpindah kepada pengguna, terutamanya isi rumah. **[Carta 1]**

Carta 1: Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan, 2011-2022




Indeks Harga Pengeluar mengikut Sektor

IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat sebanyak 7.8 peratus pada tahun 2022 berbanding 9.5 peratus pada 2021. Semua sektor mencatatkan peningkatan dengan sektor Perlombongan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.6 peratus berbanding 41.2 peratus pada 2021. Sebagai komponen terbesar, peningkatan dalam sektor Pembuatan sebanyak 8.4 peratus (2021: 5.5%) menyumbang kepada kenaikan bagi indeks keseluruhan. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan sederhana 1.3 peratus berbanding peningkatan dua angka

30.2 peratus pada tahun 2021. Dari segi sektor utiliti, sektor Bekalan elektrik & gas meningkat perlahan 0.7 peratus selepas susut 0.4 peratus pada 2021, manakala sektor Bekalan air meningkat sebanyak 2.6 peratus (2021: 0.5%). [Carta 2]

Carta 2: Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, 2021 dan 2022




Pertanian, Perhutanan & Perikanan

Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan marginal 1.3 peratus pada 2022 berbanding 30.2 peratus pada 2021. Kebanyakan indeks mencatatkan peningkatan, dengan Penanaman tanaman tidak kekal meningkat 4.2 peratus (2021: 3.3%), Pengeluaran ternakan meningkat 4.5 peratus (2021: 4.6%) dan Perikanan meningkat 7.2 peratus (2021: 9.6%). Sementara itu, indeks Akuakultur juga meningkat sebanyak 4.0 peratus daripada penguncupan 2.7 peratus pada 2021. Walau bagaimanapun, sebagai komponen terbesar dalam sektor ini, penurunan dalam Penanaman tanaman kekal sebanyak negatif 0.7 peratus (2021: 45.8%) menyumbang kepada

penyederhanaan indeks sektor ini pada 2022. [Carta 3]

Carta 3: Perubahan Peratus Tahunan bagi Indeks Terpilih Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan, 2011 hingga 2022



Pada separuh tahun pertama 2022, peningkatan IHPR Pengeluaran Tempatan disokong oleh kenaikan harga komoditi utama Malaysia, khususnya minyak sawit mentah dan minyak mentah disebabkan tekanan geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Selain itu, peningkatan kos makanan haiwan dan baja juga telah menyumbang kepada peningkatan tersebut. Walau bagaimanapun, IHPR mula sederhana pada Jun 2022 berikutan penurunan harga minyak sawit mentah yang mencecah RM3,000.00 pada separuh tahun kedua 2022. Ini sebahagiannya disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah hasil daripada pembukaan semula eskport minyak sawit Indonesia dan permintaan minyak sayuran.

Rusia dan Ukraine adalah antara pengeluar dan pengeksport utama jagung dan gandum yang menjadi bahan utama dalam pembuatan makanan haiwan, termasuk makanan ayam dan itik. Umum mengetahui bahawa harga bahan mentah telah meningkat akibat peperangan antara kedua-dua negara. Justeru, Kerajaan Malaysia telah menetapkan harga siling baharu bagi komoditi ayam standard dan telur bagi membendung kenaikan harga. Ianya amat penting memandangkan kedua-duanya merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia.

Harga siling yang ditetapkan adalah RM9.40/kg untuk ayam dan RM0.45 (gred A), RM0.43 (gred B) dan RM0.41 (gred C) untuk telur. Kerajaan turut menaikkan subsidi kepada pengeluar ayam daripada RM0.60/kg pada Februari 2022 kepada RM0.80/kg pada September 2022. Subsidi bagi pengeluar telur juga dinaikkan daripada RM0.05 setiap biji pada Februari 2022 kepada RM0.10 setiap biji bagi semua gred telur ayam pada November 2022. Semua usaha untuk menstabilkan komoditi ini telah digambarkan dalam penyederhanaan indeks Pengeluaran ternakan pada 2022.


Perlombongan

Sektor Perlombongan mengekalkan peningkatan dua digit sebanyak 12.6 peratus pada 2022 berbanding 41.2 peratus pada 2021. Pengekstrakan

gas asli meningkat dua kali ganda pada tahun 2022 iaitu 43.7 peratus (2021: 15.9%), manakala Pengekstrakan petroleum mentah meningkat 6.4 peratus berbanding 47.7 peratus pada 2021. Pengekstrakan gas asli kekal meningkat sepanjang 2022 manakala Pengekstrakan petroleum mentah meningkat pada separuh tahun pertama 2022, tetapi mula menurun pada separuh tahun kedua 2022.

[Carta 4]

Carta 4: Perubahan Peratus Tahunan bagi Sektor Perlombongan, 2011 hingga 2022




Petroleum mentah dan gas asli digunakan secara meluas oleh isi rumah dan sector industri. Perubahan harga untuk bahan mentah ini mempunyai kesan kepada ekonomi dan seterusnya kepada pengguna. Petroleum mentah bukan sahaja digunakan dalam pengangkutan, malah ia juga merupakan sumber biodiesel yang penting selain minyak sawit. Selain itu, gas asli digunakan untuk penjanaan elektrik dan sebagai bahan api untuk

pemanasan. Ia turut digunakan dalam bahan kimia, baja, pengeluaran kertas dan kaca.

Sebagai salah satu pengeksport tenaga terbesar dunia, gangguan pengeluaran minyak dan gas Rusia telah menghalang bekalan global, mengakibatkan lonjakan harga minyak mentah global. Kenaikan minyak mentah Brent daripada USD96 setong kepada USD120 setong pada akhir Jun 2022 telah memberi kesan secara langsung kepada harga runcit bahan api di Malaysia pada ketika itu. Walau bagaimanapun, harga mencecah USD81 setong pada Disember 2022.

Pembuatan

Carta 5: Perubahan Peratus Tahunan bagi Indeks Terpilih Sektor Pembuatan, 2011 hingga 2022



Indeks Pembuatan mencatatkan peningkatan 8.4 peratus pada 2022 berbanding 5.5 peratus yang dicatatkan

pada 2021. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (20.4%), Pembuatan produk makanan (11.9%), Pembuatan kimia & produk kimia (8.6%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (3.3%). **[Carta 5]**


Impak COVID-19 telah mendorong tindakan dan respon segera kerajaan untuk mengurangkan krisis. Operasi sektor tidak kritikal telah ditangguhkan disebabkan wabak ini, manakala sektor kritikal seperti perbankan, penjagaan kesihatan, telekomunikasi dan media, pengeluaran makanan dan minuman serta utiliti dibenarkan beroperasi pada hanya 60 peratus daripada kapasiti maksimum. Malaysia telah membuka semula aktiviti ekonominya secara berperingkat bagi memulihkan industri yang terjejas teruk di dalam sektor pembuatan. Hasilnya, indeks berubah daripada perubahan negatif pada 2021 kepada perubahan positif pada 2022.

Pembuatan minyak dan lemak sayuran & haiwan yang kebanyakannya terdiri daripada produk minyak sawit seperti minyak sawit mentah, minyak isirong sawit dan olein sawit mentah kekal pada kenaikan dua digit sebanyak 14.2 peratus (2021: 22.3%). Harga minyak sawit mentah berada pada momentum yang meningkat pada separuh tahun pertama 2022 tetapi mula perlahan pada separuh tahun kedua 2022. Perubahan ini disebabkan oleh kekurangan bekalan buruh, terutamanya di

kawasan ladang di mana banyak ladang menghadapi cabaran dalam memaksimumkan pengeluaran¹.

Pembuatan produk petroleum bertapis yang sebahagian besarnya terdiri daripada bahan api fosil seperti gas asli cecair dan bahan api diesel lain mencatatkan peningkatan pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 20.4 peratus pada 2022 (2021: 13.3%). **[Carta 6]**

Carta 6: Perubahan Peratus Tahunan bagi Indeks Pembuatan Produk Petroleum Bertapis dan Minyak & Lemak daripada Sayuran & Haiwan, 2011 hingga 2022



¹ Menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), pengeluaran Minyak Sawit Mentah pada 2021 ialah 18,116,354 tan, berkurang daripada 19,140,613 tan direkodkan pada 2020

ADAKAH ANDA TAHU?

Perbandingan antara Indeks Harga Pengeluar dan Indeks Harga Pengguna Malaysia

Pergerakan harga pengeluar jelas penting untuk pengukuran inflasi dan analisis proses inflasi dalam sesebuah ekonomi (*Producer Price Index Manual*, 2004). Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dan Indeks Harga Pengguna (IHP) mempunyai metodologi yang sama di mana kedua-duanya menggunakan literatur teori yang sama berkaitan dengan nombor indeks. IHP menggunakan teori ekonomi tingkah laku pengguna, manakala IHPR menggunakan teori ekonomi pengeluaran dan ketegaran jangka pendek dalam proses pengeluaran.


Walau bagaimanapun, kedua-dua IHPR dan IHP berbeza dari segi penyusunan. Secara amnya, semua keluaran boleh dipasarkan yang dijual oleh pengeluar kepada perniagaan atau pengguna termasuk dalam skop IHPR. IHPR Malaysia ialah indeks yang mengukur purata perubahan dari semasa ke semasa dalam harga yang dijual oleh pengeluar di mana Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memberi fokus dari perspektif penjual bagi pengeluaran tempatan iaitu IHPR Pengeluaran Tempatan. Berbeza dengan IHP, yang mengukur perubahan harga dari perspektif pembeli, di mana produk dan perkhidmatan yang dipasarkan oleh perniagaan dan kosnya ditanggung oleh pengguna.

IHPR Pengeluaran Tempatan merangkumi lima iaitu Pertanian, perhutanan & perikanan; Perlombongan; Pembuatan; Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. Sementara itu, IHP meliputi 12 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. 12 kumpulan utama tersebut adalah kumpulan Makanan & minuman; Minuman alkohol & tembakau; Pakaian & kasut; Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain; Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; Kesihatan; Pengangkutan; Komunikasi; Perkhidmatan & kebudayaan; Pendidikan; Restoran & hotel dan Pelbagai barangan & perkhidmatan.

Wajaran bagi setiap item dalam IHPR diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016 dan sumber data pentadbiran lain bagi mendapatkan nilai pengeluarannya. Wajaran ditentukan berdasarkan peratus sumbangan item kepada nilai output dalam ekonomi. Manakala wajaran IHP diperolehi daripada Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas. Wajaran item dalam IHP dikira berdasarkan peratus sumbangan item kepada jumlah perbelanjaan isi rumah.

Carta 1

Perubahan Peratus Tahunan IHP dan IHPR Pengeluaran Tempatan, 2011 – 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Kedua-dua IHPR Pengeluaran Tempatan dan IHP berada pada aliran yang sama antara 2011 dan 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1**. IHPR meningkat 12.3 peratus pada 2011 kepada negatif 7.4% pada 2015. Perubahan ketara itu sebahagian besarnya disebabkan oleh ketidaktentuan harga komoditi utama seperti buah tandan segar kelapa sawit, minyak sawit mentah dan minyak mentah yang dikaitkan dengan persekitaran ekonomi global semasa.

Namun begitu, kedudukan IHP berada dalam julat yang lebih kecil, antara negatif 1.2 peratus (2020) hingga 3.7 peratus (2017). Julat IHP yang lebih kecil sedikit sebanyak dipengaruhi oleh elemen subsidi termasuk subsidi Petrol tanpa plumbum RON95, minyak masak dan harga barangan yang dikawal oleh kerajaan seperti ayam dan telur.

Rujukan

1. *Producer Price Index Manual: Theory and Practice*, IMF. (2004, September 3)


Indeks Harga Pengeluar mengikut Seksyen Barangan

Dari segi IHPR mengikut seksyen komoditi, lain-lain indeks mencatatkan peningkatan pada tahun 2022 kecuali indeks Pelbagai barang keluaran kilang (-0.9%). Peningkatan ini disebabkan oleh Bahan api, galian pelincir, dll (14.7%), Minyak dan lemak daripada haiwan & sayuran (13.9%), Bahan kimia (9.3%), Barang-barang keluaran kilang (6.4%), Makanan (6.0%), Jentera & kelengkapan pengangkutan (4.4%), Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (1.4%) dan Minuman & tembakau (0.9%). [Carta 7]


Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan

IHPR mengikut peringkat pemprosesan menunjukkan peningkatan sebanyak 7.8 peratus pada 2022 disokong oleh semua peringkat pemprosesan. Indeks Bahan Perantaraan, bekalan & komponen meningkat 10.9 peratus pada 2022 berbanding 7.7 peratus pada 2021, manakala indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menyederhana kepada 6.2 peratus, selepas mencatatkan peningkatan dua digit 30.3 peratus pada 2021. Indeks Barangan siap pula meningkat semula kepada 1.8 peratus pada 2022 (2021: -0.2%). [Carta 8]

Carta 7: Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Seksyen Barangan, 2021 dan 2022




Carta 8: Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, 2021 dan 2022



Peringkat Pemprosesan 1: Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya

Carta 9: Perubahan Peratus Tahunan Indeks Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya, 2011 hingga 2022



Peningkatan sederhana 6.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 30.3%) dalam indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya disumbangkan oleh indeks Bahan bukan makanan (6.8%) dan Bahan makanan & makanan untuk binatang (3.4%). Komoditi utama seperti petroleum mentah dan buah tandan segar kelapa sawit membawa kepada peningkatan dalam indeks Bahan


bukan makanan. Manakala indeks Ayam pedaging dan telur ayam menyumbang kepada peningkatan dalam indeks Bahan makanan & makanan untuk binatang.

[Carta 9]

Peringkat Pemprosesan 2: Bahan Perantaraan, Bekalan & Komponen

Pada masa yang sama, kenaikan indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen 10.9 peratus disokong oleh peningkatan dalam semua indeks iaitu Bahan api yang diproses & pelincir (18.0%), Bahan & komponen untuk pembuatan (10.1%), Bekalan (7.8%), Bahan & komponen untuk pembinaan (4.3%) dan Bekas (1.8%). Sepanjang tahun 2022, indeks bahan Perantaraan, bekalan & komponen secara konsisten mencatatkan peningkatan dua angka sehingga suku tahun ketiga 2022, tetapi menyederhana kepada 8.0 peratus pada suku tahun keempat 2022. [Carta 10]

Carta 10: Perubahan Peratus Tahunan Indeks Bahan Perantaraan, Bekalan dan Komponen, 2011 hingga 2022



Indeks Bahan api yang diproses & pelincir kekal dengan kenaikan dua digit untuk keseluruhan tahun 2022 (2021: 9.7%) dan disumbangkan terutamanya oleh peningkatan indeks Gas asli sebanyak 15.1 peratus. Sementara itu, indeks Bahan & komponen untuk pembuatan meningkat sepanjang tahun disebabkan oleh kenaikan dalam indeks Bahan untuk pembuatan makanan (12.7%) dan Bahan untuk pembuatan lain (9.5%).


Pada masa yang sama, indeks Bekalan juga meningkat secara konsisten didorong oleh peningkatan indeks Bekalan untuk industri bukan pembuatan (9.5%) dan Bekalan untuk industri pembuatan (6.5%). Antara produk yang menyumbang kepada peningkatan dalam indeks ini ialah Litar bercetak, Litar bersepadu dan Makanan ternakan campuran.

Peringkat Pemprosesan 3: Barang Siap

Peningkatan semula indeks Barang siap pada tahun 2022 disumbangkan oleh kedua-dua indeks Barangan pengguna siap (2.7%) dan Kelengkapan modal (1.1%). Peningkatan dalam indeks Makanan pengguna siap ini disokong oleh indeks Makanan pengguna siap diproses (6.5%) dan Makanan pengguna siap mentah (2.4%). Peningkatan dalam indeks Kelengkapan modal pula adalah

disebabkan oleh kedua-dua indeks Industri pembuatan (2.0%) dan Industri bukan pembuatan (0.7%). **[Carta 11]**

Carta 11: Perubahan Peratus Tahunan Indeks Barang Siap, 2011 hingga 2022



Indeks Barangan pengguna siap kebiasaannya dibandingkan dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tujuan analisis trend harga. Sementara itu, indeks Makanan pengguna siap, yang merupakan komponen di bawah Barangan pengguna siap, biasanya dibandingkan dengan indeks kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol di dalam IHP. Indeks Makanan pengguna siap meningkat 6.2 peratus pada tahun 2022 (2021: 2.8%) sama seperti indeks kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol di dalam IHP (2022: 5.8%; 2021: 1.7%)².

² Berdasarkan laporan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan, 2022

Minyak Sawit Mentah Malaysia: Sebelum dan Selepas Pandemik Global

Mardziah Nawama


Industri Minyak Sawit Malaysia

COVID-19 merupakan pandemik global yang melanda Malaysia pada tahun 2020 yang telah menjejaskan banyak industri, sektor dan perniagaan. Industri sawit merupakan salah satu industri yang terjejas akibat wabak itu kerana Malaysia dan Indonesia membentuk kira-kira 85 peratus daripada bekalan minyak sawit dunia, diikuti oleh Nigeria, Thailand dan Colombia¹. Indonesia merupakan pengeksport utama minyak sawit di seluruh dunia pada 2021, dengan jumlah USD 26,700 juta manakala Malaysia adalah pengeksport kedua terbesar iaitu sebanyak USD 14,200 juta².

Industri ini mengalami kelembapan sementara dalam eksport, permintaan dan harga dalam tempoh berlakunya wabak tersebut. Tahun 2020 menyaksikan prestasi yang lebih rendah dalam pengeluaran minyak sawit mentah (MSM), hasil buah tandan segar serta eksport dan import minyak sawit. Walau bagaimanapun, prospek telah berubah berikutan pembukaan semula sektor ekonomi global dengan pelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditambah dengan inisiatif kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Carta 1

Harga Minyak Sawit Mentah Malaysia, Januari 2020 – Jun 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

¹ Diambil daripada <https://www.statista.com/statistics/675813/average-prices-palm-oil-worldwide/>

² Diambil daripada <https://www.statista.com/statistics/1023524/leading-palm-oil-exporter-global/>

Purata harga MSM RM2,765/tan pada 2022 disebabkan oleh wabak tersebut. Selepas pembukaan semula sektor ekonomi terpilih pada 2021, harga terus meningkat, dengan harga purata RM4,417/tan. Harga MSM mencecah purata RM5,000/tan menjelang akhir 2021. MSM mencecah harga tertinggi pada separuh pertama 2022, mencecah RM6,873 pada Mei 2022. Walau bagaimanapun, penurunan harga mula berlaku pada Jun 2022 kepada sekitar RM4,000 setiap tan disebabkan peningkatan kos bahan api, baja dan agrokimia. **[Carta 1]**

Jadual 1: Pengeluaran, Eksport dan Nilai Minyak Kelapa Sawit Malaysia

	2018	2019	2020	2021	2022
Pengeluaran ('000 tan)	19,516	19,858	19,141	18,117	18,453
Jumlah eksport ('000 tan)	15,364	17,429	16,214	15,566	15,712
Nilai eksport (RM juta)	38,665	39,128	45,647	64,615	82,494

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Jumlah pengeluaran menurun pada 2021 dan 2022 berbanding 2020 disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja yang berpanjangan. Walau bagaimanapun, jumlah nilai eksport meningkat pada 2021 dan 2022, disebabkan oleh harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi walaupun dengan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. **[Jadual 1]**

Penulisan artikel ini seterusnya akan memaparkan hubungan harga MSM kepada sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dalam IHPR Pengeluaran Tempatan.

Kelapa Sawit dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan


Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengukur harga barangan di kilang dan harga komoditi. IHPR merangkumi lima sektor iaitu sektor Pertanian, perhutanan & perikanan; Perlombongan; Pembuatan; Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. IHPR Malaysia dipengaruhi oleh harga komoditi, khususnya yang berkaitan dengan harga makanan dan harga tenaga, seperti MSM, minyak mentah, perikanan dan produk pertanian.

Minyak sawit diekstrak daripada buah tandan segar melalui proses mekanikal. Sebuah kilang biasanya mengendalikan 60 hingga 100 tan buah tandan segar sejam. Kualiti minyak sawit amat bergantung kepada kematangan buah yang diproses menjadi minyak sawit. Oleh itu, harga MSM sangat dipengaruhi oleh harga buah tandan segar.

Purata harga Buah tandan segar pada 2020 adalah RM28.51/tan dan meningkat hampir dua kali ganda kepada harga purata RM48.14/tan pada tahun 2021. Harga terus meningkat pada separuh tahun pertama 2022 dan mencapai harga tertinggi RM76.96/tan pada Mac 2022 dengan harga purata adalah RM55.52/tan. Walau bagaimanapun, trend mulai berubah bermula dari Jun 2022 dengan harga yang sederhana iaitu RM40/tan. **[Carta 2]**

Carta 2

Harga Buah Tandan Segar Kelapa Sawit, Januari 2020 – Jun 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Sebagai komponen terbesar dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan, harga buah tandan segar mempengaruhi indeks dalam sektor ini. Sepanjang 2020, indeks Penanaman tanaman kekal meningkat sebanyak 31.0 peratus, seiring dengan peningkatan indeks Buah tandan segar sebanyak 37.6 peratus dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan sektor Pertanian, perhutanan & perikanan sebanyak 15.7 peratus. Harga Buah tandan segar kekal terus meningkat sebanyak 51.3 peratus pada 2021, membawa kepada peningkatan dalam indeks Penanaman tanaman kekal sebanyak 45.8 peratus dan seterusnya kepada sektor Pertanian, perhutanan & perikanan sebanyak 30.2 peratus.

Walaupun bagaimanapun, harga mula menyusut pada separuh tahun kedua 2022 yang membawa kepada penguncupan dalam sektor ini. Pada 2022, Buah tandan segar menurun sebanyak negatif 0.5 peratus menyebabkan penurunan dalam Penanaman tanaman kekal sebanyak negatif 0.7 peratus. Secara keseluruhannya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat perlahan kepada 1.3 peratus pada 2022. **[Carta 3]**

Carta 3

Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan dalam IHPR, Januari 2020 – Jun 2023



Prospek Minyak Sawit pada 2023 dan 2024

Agenda kelestarian dan perubahan iklim telah menarik perhatian seluruh dunia, terutamanya selepas pandemik COVID-19. Persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar, seperti kelembapan aktiviti ekonomi di China dan konflik geopolitik yang berpanjangan dijangka menyebabkan berlakunya gangguan rantai bekalan yang berterusan, kenaikan mendadak harga komoditi serta keadaan kewangan yang mencabar.

Berdasarkan laman sesawang IG dan *United States Department of Agriculture* (2019)³, terdapat empat faktor yang mempengaruhi harga minyak sawit mentah. Faktor pertama adalah bekalan di mana semasa tempoh musim kering atau hujan lebat akan menjejaskan pengeluaran dan seterusnya harga minyak sawit mentah. Faktor kedua ialah permintaan, di mana rantau Asia seperti China dan India adalah pengimport utama minyak sawit, yang menyumbang suku daripada penggunaan global. Faktor ketiga ialah kesan alam sekitar pengeluaran minyak sawit dan faktor terakhir adalah penggantian oleh minyak lain. Dalam senario semasa ini, turun naik harga MSM sebahagiannya disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah akibat pembukaan eksport minyak sawit Indonesia dan permintaan untuk minyak sayuran.


³ Diambil daripada <https://www.ig.com/en/trading-strategies/factors-affecting-crude-palm-oil--cpo--prices-190905>

Harga minyak sawit mentah jatuh lebih rendah baru-baru ini berikutan semakan semula *Domestic Market Obligation* (DMO) oleh Indonesia yang telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2023⁴. Berdasarkan semakan tersebut, Indonesia telah membuat beberapa perubahan pada polisi berikut. Antara perubahan yang dilakukan adalah mengurangkan sasaran minyak masak domestik daripada 450,000 tan kepada 300,000 tan, mengetatkan nisbah eksport daripada 1:6 kepada 1:4 dengan nisbah eksport semasa yang membolehkan penjual mengeksport hingga enam kali jumlah yang dijual secara tempatan tetapi dikurangkan menjadi empat kali jumlah yang dijual tempatan.

Selain itu, meningkatkan insentif pengganda untuk minyak masak yang dibungkus daripada 1.5 kepada 2 bagi pakej pillow dan daripada 1.75 kepada 2.25 bagi pakej non-pillow dan yang keempat mengeluarkan semula permit eksport yang digantung lebih awal daripada tempoh asal. Dasar itu dilaksanakan bagi mengawal pengeluaran minyak masak tempatan dan membolehkan eksport yang lebih tinggi.

Carta 4

Harga Purata Minyak Sawit di Seluruh Dunia, 2014 - 2024
(dolar A.S. per tan)



Sumber: statistica.com

Nota: * Nilai anggaran

Harga minyak sawit antarabangsa terus menurun, terjejas disebabkan oleh permintaan import global yang lembap, walaupun pengeluaran bermusim lebih rendah dari kawasan pertumbuhan utama di Asia Tenggara. Menurut *Trading Economics*, prospek industri minyak sawit untuk 2023 dan 2024 berkemungkinan sederhana selepas turun naik pada 2022.

[Carta 4]

Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

⁴ Diambil daripada <https://www.fastmarkets.com/insights/crude-palm-oil-prices-dive-to-six-month-low>

Introduction

Countries around the world had started to implement various initiatives to boost and enhance the economic recovery to its pre-pandemic pace in all areas in which the recovery plan is required to be more crisis-adaptive in the forthcoming days. Therefore, Malaysia reopened its border on 1st April 2022 with the aim of stimulating the tourism industry, which is one of the main contributors to the economy.

The economic recovery is currently ongoing and as the nation moves into endemicity, efforts are concentrated on the rapid execution of post COVID-19 measures and strategies, such as accelerating business recovery, creating a favourable business environment, facilitating trade and investment, improving labour market conditions, protecting households' quality of life and instilling sustainability across the economy's entire whole.

However, the economic reopening has led to rising inflationary pressures that are off significant concerns for many economies due to higher expenses and increasing demands. Most central banks have tightened their monetary policies in response to the inflationary pressure, which has weakened household purchasing power and private consumption. Based on Economic Outlook 2023 by Ministry of Finance Malaysia (MOF), these challenges

may linger and are anticipated to continue in 2023.

As a result of Russia's invasion of Ukraine on 24th February 2022, tensions between the two countries were at an all-time high. Despite the global economy's reopening and the labour market's improving situation following the COVID-19 pandemic, the Russia-Ukraine conflict has had a significant negative impact on the world economy.

The persistent effects of the Russia-Ukraine conflict, prolonged Eastern European conflicts, sanctions on Russia, strict zero-COVID-19 measures in China, tighter monetary policy in the United States of America and the possible emergence of new COVID-19 strains continue to give an adverse risk to economic growth. As a result, global economic growth is projected to moderate due to the instability of high commodity prices as well as other regional and global issues.

Subsequently, according to World Economic Outlook April 2023, the International Monetary Fund (IMF) projected global Brent crude oil prices to remain high at an average above USD100 per barrel following the conflicts. Inflation is projected to be 6.6 per cent in advanced economy countries and 9.5 per cent in developing economy countries, driven by high commodity and food prices.

Producer Price Index in a decade


In a span of ten years, Malaysia's Producer Price Index (PPI) Local Production has ranged from the lowest negative 7.4 per cent in 2015 to the highest 12.3 per cent in 2011. The rate of PPI was highly influenced by the changes in the price of Malaysia's primary commodities, such as crude oil, natural gas, crude palm oil and semiconductor products.

The PPI registered the largest decline in 2015 (-7.4%) due to a significant decrease in Brent crude oil prices from USD96.24 per barrel in 2014 to USD50.75 per barrel in 2015. Similarly, the natural gas index also declined from 111.71 index points in 2014 to 71.58 index points in 2015. The plunge in commodity prices in 2015 was due to a weak demand, especially from China.

The PPI started to rebound in 2021 to record 9.5 per cent and subsequent 7.8 per cent in 2022, supported by economic recovery. The increase in prices of commodities and goods produced locally is beneficial to the nation's economy as it supports economic growth as well as increases the producers' income. However, it transfers the inflation pressures to consumers, particularly households.

[Chart 1]

Chart 1: Annual Percentage Change of PPI Local Production, 2011-2022




Producer Price Index by Sector

PPI Local Production increased by 7.8 per cent in 2022 as compared to 9.5 per cent in 2021. All sectors posted increases with the Mining sector recording double-digit growth of 12.6 per cent as against 41.2 per cent in 2021. Having the largest share, the increase in the Manufacturing sector by 8.4 per cent (2021: 5.5%) contribute to the increase of the overall price. The Agriculture, forestry & fishing sector recorded a moderate increase of 1.3 per cent as compared to a double-digit increase of 30.2 per cent in 2021. In terms of the utility sector, the Electricity & gas supply sector inched up 0.7 per cent after declining 0.4 per cent in 2021, while the Water supply sector increased by 2.6 per cent (2021: 0.5%).

[Chart 2]

Chart 2: Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector, 2021 and 2022




Agriculture, Forestry & Fishing

The Agriculture, forestry & fishing index registered a marginal increase of 1.3 per cent in 2022 as compared to 30.2 per cent in 2021. Most indices posted an increasing trend, i.e. Growing of non-perennial crops increased by 4.2 per cent (2021: 3.3%), Animal production by 4.5 per cent (2021: 4.6%) and Fishing by 7.2 per cent (2021: 9.6%). In the meantime, Aquaculture index also increased by 4.0 per cent from a contraction of 2.7 per cent in 2021. However, as the largest component in this sector, the decline in Growing of perennial crops by negative 0.7 per cent (2021: 45.8%) contributed to the moderation of the index in 2022. **[Chart 3]**

In the first half of 2022, the acceleration of PPI Local Production was supported by the increase of Malaysia's main commodities' prices, specifically crude palm oil and crude oil due to the geopolitical pressure between Russia and Ukraine. Moreover, the

increasing cost of animal feed and fertiliser also contributed to the increase in PPI Local Production. However, it began to moderate in June 2022 due to a decline in the crude palm oil price, that reached RM3,000 per tonne in the second half of 2022. This was partly due to the lower global demand resulting from the reopening of Indonesia's palm oil exports and the demand for vegetable oils.

Chart 3: Annual Percentage Change for Selected Index of Agriculture, Forestry & Fishing Sector, 2011 to 2022



Russia and Ukraine are among the major producers and exporters of corn and wheat which are the main ingredients in animal feed, including poultry feed. It is known that raw material prices have increased due to war between the two countries. As a result, the Malaysia's Government imposed new ceiling prices for standard processed chicken and eggs to contain the rising prices. This is very important for the

consumers as both chicken and eggs are Malaysia's main source of protein.

The ceiling prices are set at RM9.40/kg for chicken and RM0.45 (grade A), RM0.43 (grade B) and RM0.41 (grade C) for eggs. The Government has also increased the ex-farm subsidies from RM0.60/kg in February 2022 to RM0.80/kg in September 2022. The subsidies for each grade of eggs were increased from RM0.05 each in February 2022 to RM 0.10 each in November 2022. All these efforts to stabilise these commodities have been reflected in the moderation of Animal production index in 2022.


Mining

The Mining sector remained with a double-digit increment of 12.6 per cent in 2022 as compared to 41.2 per cent in 2021. The Extraction of natural gas doubled in 2022 by 43.7 per cent (2021: 15.9%), while the Extraction of crude petroleum increased by 6.4 per cent as compared to 47.7 per cent in 2021. The Extraction of natural gas remained increase throughout 2022, while the Extraction of crude petroleum followed a similar trend in the first half of 2022, but began to decrease in the second half of 2022. [Chart 4]

Crude petroleum and natural gas are widely used in household and industrial sectors. Price changes for these raw materials have ripple effects on the

economy and later on consumers. Crude petroleum is not only used in transportation, but it is also a prominent source of biodiesel besides palm oil. In addition, natural gas is used to generate electricity and as fuel for heating. It is also used in chemicals, fertilisers, papers and glass production.

Chart 4: Annual Percentage Change for Mining Sector, 2011 to 2022




As one of the world's largest energy exporters, the disruption of production of Russian oil and gas has hampered global supply, resulting in a price surge in global crude oil. The increase of Brent crude oil from USD96 per barrel to USD120 per barrel at the end of June 2022 had directly impacted retail fuel prices in Malaysia at the time. However, the price reached USD81 per barrel in December 2022.

Manufacturing

The Manufacturing index registered an increase of 8.4 per cent in 2022 as against 5.5 per cent recorded in 2021. The increase was underpinned by the rise

in the index of Manufacture of coke & refined petroleum products (20.4%), Manufacture of food products (11.9%), Manufacture of chemicals & chemical products (8.6%) and Manufacture of computer, electronic & optical products (3.3%). **[Chart 5]**

Chart 5: Annual Percentage Change for Selected Index of Manufacturing, 2011 to 2022




The impact of COVID-19 has prompted immediate actions and governmental responses to lessen the crisis. Non-critical sector operations had been on hold because of the pandemic, while vital sectors like banking, healthcare, telecommunications and media, food and beverage production, and utilities were permitted to operate at only 60 per cent of their maximum capacities. Malaysia has progressively reopened its economic activities to revive the adversely affected industries in the manufacturing sector. As a result, the indices rebounded from negative growth in 2021 to positive growth in 2022.

The manufacture of vegetable and animal oils & fats which primarily consist of palm oil products such as crude palm oil, palm kernel oil and crude palm olein remained at a double-digit increment of 14.2 per cent (2021: 22.3%). The crude palm oil price was in an increasing momentum in the first half of 2022 but started to slow down in the second half of 2022. This was mainly due to a labour shortage, particularly in plantation areas where many plantation areas faced challenges in maximising their production¹.

The manufacture of refined petroleum products, which largely comprise fossil fuels such as liquefied natural gas and other diesel fuel, registered an increase at a higher rate of 20.4 per cent in 2022 (2021: 13.3%). **[Chart 6]**

Chart 6: Annual Percentage Change for Index of Refined Petroleum Products and Vegetables & Animals Oils, 2011 to 2022



¹According to the Malaysian Palm Oil Board, Crude Palm Oil production in 2021 was 18,116,354 tons, down from 19,140,613 tons recorded in 2020

DID YOU KNOW?

The Comparison between Malaysia's Producer Price Index and Consumer Price Index

Movements in producer prices are clearly important for the measurement of inflation and the analysis of the process of inflation within an economy (Producer Price Index Manual, 2004). Producer Price Index (PPI) and Consumer Price Index (CPI) have a common methodology that both draws on the same theoretical literature pertaining to index numbers. CPI draws on the economic theory of consumer behaviours, while PPI draws on the economic theory of production and the short-term rigidities in the production process.


However, both PPI and CPI differ in terms of measurement compilation. In general, all marketable outputs sold by producers to businesses or consumers are included in the PPI's scope. Malaysia's PPI is an index that measures the average change over time in prices sold by the producers, where the Department of Statistics Malaysia (DOSM) focused on the measures from the perspective of seller that produced locally, that is PPI Local Production. This is a contrast to CPI, which measures of price change from the purchaser's perspective, where products and services are marketed by businesses and whose costs are covered by consumers.

PPI Local Production covers five sectors, namely Agriculture, forestry & fishing; Mining; Manufacturing; Electricity & gas supply and Water supply. Meanwhile, the CPI consist of 12 main groups of goods and services. The 12 groups are Food & beverages; Alcoholic beverages & tobacco; Clothing & footwear; Housing, water, electricity, gas & other fuels; Furnishings, household equipment & routine household maintenance; Health; Transport; Communication; Recreation services & culture; Education; Restaurant & hotels and Miscellaneous goods & services.

PPI Local Production's weightage for each item was derived from the latest Economic Census 2016 and other administrative data sources in order to determine its production value. The weight is determined based on the percentage contribution of the items to the output value of the economy. Meanwhile, CPI's weightage was derived from the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey. The weight of the items in the CPI is calculated based on their percentage contribution to the total household expenditure

Chart 1

